

**TuanKu Nur Zahirah Sampaikan Bantuan Kewangan Kepada Sembilan Penerima Bernama
22 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah berkenan menyampaikan bantuan kewangan berjumlah RM122,400 kepada sembilan penerima untuk rawatan perubatan.

Dana itu disumbangkan Shangri-La Hotel sebagai sebahagian projek kebajikan tahunannya yang menumpukan kepada kanak-kanak yang menghidap penyakit teruk seperti penyakit jantung kongenital dan jantung berlubang.

Suri rumah, Mariani Dahari, 34, amat bersyukur dengan sumbangan kepada anak perempuannya, Nur Hidayah Jamaluddin yang menghidap penyakit jantung berlubang dan beberapa penyakit berkaitan.

"Saya amat bersyukur dengan sumbangan ini dan keprihatinan pengurusan Shangri-La yang membantu kami dari segi kewangan, dan seminggu selepas Raya, anak perempuan saya akan dibedah," katanya.

Sementara itu, sejumlah 58 kanak-kanak kelainan upaya dari Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cacat Taman Megah, Petaling Jaya turut menerima 'duit raya' dan kudap-kudapan pada majlis sama.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609729>